

17 JAN 2001

Kabinet-Zam

ZAM BERAZAM TINGKAT KEPERCAYAAN MASYARAKAT KEPADA MEDIA

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Senator Datuk Zainuddin Maidin, yang hari ini dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, berkata beliau akan menggunakan pengalaman selama 40 tahun dalam bidangewartawanan untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada media khususnya media kerajaan.

Zainudin, yang lebih mesra dengan panggilan Zam, berharap dapat membantu usaha Kementerian Penerangan ke arah meningkatkan kredibiliti kerajaan dengan maklumat yang benar serta mencerminkan masyarakat majmuk dengan identiti Malaysia.

"Saya mengucapkan syukur serta berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk memegang jawatan ini," katanya ketika dihubungi hari ini.

Zam berkata beliau akan berangkat ke Amerika Syarikat malam ini kerana dijemput oleh Parti Republikan sebagai tetamu pada upacara mengangkat sumpah George W. Bush sebagai presiden negara itu pada 20 Jan ini.

Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dengan kepercayaan yang diberikan kepadanya.

"Saya berjanji akan bekerja keras untuk memastikan segala wawasan yang diilhamkan Dr Mahathir tercapai terutamanya bagi orang Melayu dan bangsa Malaysia keseluruhannya," kata Tengku Adnan yang juga Setiausaha Kerja Umno.

Tengku Adnan yang juga Ketua Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan berkata pelantikan Ketua Wanita Umno Wilayah Persekutuan Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita juga akan memastikan hal ehwal golongan itu akan lebih terjamin.

"Dengan penyertaan lebih banyak pemimpin Umno dari Wilayah Persekutuan dalam kabinet, saya percaya kita akan berupaya menjayakan lagi pembangunan dan kemajuan di Wilayah Persekutuan," katanya.

-- BERNAMA

AU NHA MAI